

SEKILAS-INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

EDISI 12 | DISEMBER 2023 | BIL.71

No. e-ISSN: 2948-5088

SETULUS BUDI KENANGAN ABADI

Profesor Ts Datuk Dr Mohamad Kadim bin Hj Suaidi



Kota Samarahan- Pada tanggal 14 Disember 2023, warga UNIMAS menyaksikan majlis yang sukar untuk dilupakan iaitu Majlis *Clock-Out Session* oleh Yang Berbahagia Prof Ts Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi yang menandakan pemergian rasminya daripada perkhidmatan di UNIMAS setelah hampir 11 tahun meneraju dengan penuh dedikasi serta kepimpinan yang menginspirasi warganya yang akan terus dikenang dalam sejarah UNIMAS. Menjadi Naib Canselor paling lama memimpin UNIMAS dan memperkenalkan UNIMAS ke mata dunia, Yang Berbahagia Prof Ts Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi tanpa jemu memastikan UNIMAS tergolong dalam kalangan gergasi domain pengajian tinggi terutamanya di Kepulauan Borneo. Slogan "UNIMASku Sayang" dan nilai "Teguh Bersama" sangat sinonim dengan beliau dan masih diamal serta diingati sehingga kini oleh warganya.



KETERSEDIAAN BERSAING DI PERINGKAT GLOBAL

THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS Times Higher Education (THE) World University Rankings 2019

Institution name	2019 global rank	2018 global rank
Universiti Malaya	301-350	351-400
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	501-600	501-600
Universiti Kebangsaan Malaysia	601-800	601-800
Universiti Sains Malaysia	601-800	601-800
Universiti Teknologi Malaysia	601-800	601-800
Universiti Teknologi Petronas	601-800	601-800
Universiti Putra Malaysia	801-1000	601-800
Universiti Tenaga Nasional (Uniten)	801-1,000	801-1,000
Universiti Utara Malaysia	801-1,000	1,001+
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	1,001+	NR
Universiti Teknologi Mara	1,001+	NR

Source : <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings/2019/world-ranking>

Sejak pelantikan beliau pada 16 April 2016, beliau telah membawa jenama dan visibiliti UNIMAS ke peringkat antarabangsa. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah dengan menggalakkan Universiti menyertai penarafan peringkat global melalui Ranking *Quacquarelli Symonds* (QS) dan *Times Higher Education* (THE). Semasa dalam pimpinan beliau pada tahun 2018, UNIMAS pertama kalinya berjaya tersenarai di dalam THE World University Ranking 2019 dan menjadi 10 Universiti Awam terbaik di Malaysia dengan berada di kedudukan 1001 terbaik di dunia.

Pada tahun 2020 pula, UNIMAS sekali lagi melakar sejarah yang paling membanggakan di mana hanya UNIMAS universiti di Asia Tenggara yang berjaya disenarai pendek dalam THE Awards Asia 2020 dalam tiga kategori iaitu melalui

- i) *Workplace of the Year*
- ii) *International Strategy of the Year*;
- dan
- iii) *Excellence Innovation in the Arts*.


UNIMAS telah berjaya memenangi kategori *Excellence Innovation in the Arts* melalui projek "Teater Semarak Pertiwiku" yang diwakili oleh Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Melalui pengiktirafan sebegini, UNIMAS semakin dikenali dan sebaris dengan Universiti Awam yang lain terutamanya daripada Universiti Penyelidikan dan Universiti Berfokus. Pada masa yang sama juga, UNIMAS berjaya meningkatkan pengambilan pelajar terutamanya pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di UNIMAS.



Excellence and Innovation in the Arts

ANSALOR 2021

UNIMAS as a Global Brand



Kolaborasi strategik bersama industri tempatan mahupun antarabangsa juga semakin rancak dan sekaligus menyumbang ke arah penemuan penyelidikan yang memacu kegemilangan bersama. Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Air Somalia (MoEWR) merupakan salah satu kerjasama melalui penyelidikan dan pembangunan modal insan dalam bidang air dan tenaga yang memberi impak kepada masyarakat terutamanya di Somalia. Pengalaman UNIMAS dalam pembangunan air dan tenaga di Sarawak seperti menubuhkan Pusat Air UNIMAS dan Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) merupakan program yang menyokong inisiatif dan aspirasi kepada MoEWR dalam sector komoditi ini.

PEMACU KOMUNITI KE ARAH KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Prof Ts Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi juga sangat fokus dalam memperkasakan kelestarian komuniti yang pelbagai dengan menggalakkan warganya menyumbang khidmat kepada komuniti terutamanya di Sarawak. Penubuhan Pusat Kelestarian University (USC) pada tahun 2020 merupakan langkah tepat dalam memperkasakan genda kelestarian universiti secara menyeluruh yang sejajar dengan matlamat pembagunan lestari global (Sustainable Development Goals) yang mula diperlihatkan pada masa itu. UNIMAS juga pernah dinobatkan sebagai UNIMAS kini berada di kedudukan nombor 1 di Malaysia dan ke-28 di dunia untuk SDG 5: Keseksamaan jantina di mana jantina tidak seharusnya menjadi faktor yang menentukan peluang dan hak dan ini merupakan usaha berterusan UNIMAS untuk membantu membasmi ketidaksamaan jantina diiktiraf di peringkat global.

Kerjasama antara UNIMAS dan kerajaan Negeri Sarawak juga menjadi fundamental yang kukuh untuk UNIMAS mengorak langkah dengan lebih jauh bagi memenuhi keperluan komuniti. Program Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) merupakan salah satu program di mana UNIMAS memberi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma kepada penduduk luar bandar di sekitar Sarawak yang disertai oleh sukarelawan yang terdiri daripada warga UNIMAS sendiri. Program ini mendapat sambutan luar biasa setiap kali lawatannya kerana program tersebut bukan sahaja membantu masyarakat malah memberi peluang untuk UNIMAS mendekati masyarakat dengan lebih rapat dan ini sekaligus memberi pengalaman kepada sukarelawan untuk berbakti serta menyumbang kepada masyarakat.

Kami percaya bahawa kisah beliau tidak akan berakhir di sini dan perjalanan baru akan bermula untuk kejayaan yang lebih hebat. Terima kasih tidak terhingga dan semoga hari-hari mendatang dipenuhi dengan kebahagiaan.



Keep it up, UNIMAS!



We are ranked **28th** in the world and first in Malaysia for **SDG 5: Gender Equality**



**HAPPY BIRTHDAY
DECEMBER!!**



Program SQRC Disember 2023

Bil	Pekara	Tarikh
1.	Pengumuman : QS Sustainability Ranking 2024	5 Disember 2023
2.	Risk Management Workshop	6-7 Disember 2023
3.	Bengkel Pemantapan Penggunaan Microsoft EXCEL oleh Prof Madya Dr Lee Nung Kion	8 Disember 2023
4.	Mesyuarat Pematuhan Data dan Kaedah Penghantaran Data oleh KPT	12 Disember 2023
5.	Sesi Taklimat Pematuhan Terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) oleh KPT	12 Disember 2023
6.	Sesi Pengenalan Kepada CANVA oleh Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman	15 Disember 2023
7.	Taklimat Penghantaran Data MyMoheS Universiti Awam (UA) Bagi Modul Pelajar, Staf, RDC dan Maklumat Institusi (cut off dare 31 Disember 2023)	20 Disember 2023
8.	Bengkel Pemantapan & Apresiasi SQRC 2023	22 Disember 2023

Happy
Birthday

Pn Dayang Zuliana



07

12

Semoga dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki, Happy selalu dan dipermudahkan segala urusan.



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

Pengarah | Prof Gs Dr Tarmiji Masron **Timbalan Pengarah** | Prof Madya Dr Lee Nung Kion **Penolong Pendaftar Kanan** | Dyg Mazina Awg Batu | Dyg Zuliana Abg Abd Rahman **Penolong Pegawai Tadbir Kanan** | Adeline Ann Lubi **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan** | Mohd Hairulnizam Mohd Zamri **Penolong Pegawai Tadbir** | Salmiah Nahravi **Setiausaha Pejabat** | Nur Aishah Jori **Pembantu Tadbir Kanan** | Norisa Mohamad Sahari **Pembantu Tadbir** | Siti Afizah Jamil | Mohd Hafizuddin Sulaiman **Pembantu Operasi** | Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

STRATEGIC PLANNING, QUALITY
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko
Universiti Malaysia Sarawak
Aras 3, Canselor
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
<http://www.sqrc.unimas.my/>